



# KONSEP RAHMATAN LIL ALAMIN DALAM HADITH: PENEROKAAN MAKNA SERTA APLIKASI DI MALAYSIA

Ahmad Sanusi Azmi,<sup>1,2</sup> Mohd Yusuf Ismail<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

<sup>2</sup>Oxford Centre For Islamic Studies, United Kingdom

## Abstract

Dalam al-Quran, Allah menyifatkan Rasulullah sebagai *rahmatan lil alamin* (rahmat buat sekalian alam), satu istilah yang kemudiannya diperbahaskan dan dikembangkan menjadi salah satu konsep dalam hubungan kemanusiaan serta interaksi sosial. Pun begitu, konsep *rahmatan lil alamin* ini telah melalui pelbagai proses penafsiran dan perkembangan makna. Kepelbagaian fahaman dan penafsiran berhubung konsep rahmah ini terus menjadi perbahasan sehingga hari ini. Di Malaysia, kempen memperkenalkan Islam sebagai agama rahmah telah dimulakan. Konsep ini dijadikan sebagai asas dalam membangun teras serta mencorak polisi urustadbir yang berasaskan al-Quran. Keadaan Malaysia yang unik sebagai sebuah negara berbilang bangsa adalah konteks yang menarik untuk dibincangkan. Kajian ini meneroka hadith-hadith yang mempunyai hubungan dengan konsep *rahmatan lil alamin*, mengamati pemahaman sarjana Muslim terhadapnya serta menilai pengamalan konsep ini di Malaysia. Melalui analisis tekstual yang dijalankan, kajian mendapati bahawa sifat belas-kasih dan ketegasan Rasulullah adalah elemen yang tidak boleh dipisahkan dalam memelihara dan memartabatkan Islam. Dua elemen tersebut adalah prinsip utama yang perlu diterapkan dalam pembangunan kerangka serta pelaksanaan konsep *rahmatan lil alamin* di Malaysia.

**Kata kunci:** *rahmatan lil alamin, hadith, LGBT, keganasan, operasi khalwat*

## Article Progress

Received: 10 October 2018

Revised: 31 October 2018

Accepted: 10 November 2018

\*Corresponding Author:

Ahmad Sanusi Azmi,  
Academic Visitor,  
Oxford Centre for Islamic  
Studies,  
Pensyarah, Fakulti Pengajian  
Quran Sunnah, USIM.  
Email: sanusi@usim.edu.my

## 1. PENGERTIAN RAHMAH

Wacana berhubung konsep rahmah ini telah menjadi topik perbincangan sarjana Muslim sejak kurun awal Islam lagi. Al-Imam al-Tabari adalah di antara mereka yang telah mula meneroka makna serta skop pengertian rahmah di dalam tafsir beliau. Sifat rabbani ini ditampilkan sebagai satu elemen yang bersifat universal (alamiyyah) yang menaungi setiap makhluk. Al-Imam Ibn al-Jawzi memberikan enam belas penafsiran literal berhubung pengertian rahmah seperti yang dimaksudkan di dalam al-Quran. Pengertian yang dipersembahkan oleh Ibn al-Jawzi ini menumpukan kepada olahan bahasa yang meneroka pemaknaan literal setiap perkataan berdasarkan konteks ayat dalam setiap surah. Setiap enam belas makna tersebut didatangkan contoh daripada ayat al-Quran sebagai rujukan penggunaannya dalam konteks yang tertentu.

Enam belas makna yang diberikan adalah (1) syurga, (2) islam, (3) iman, (4) kenabian, (5) al-quran, (6) hujan (al-matar), (7) rezeki, (8) nikmat, (9) kesihatan (afiya), (10) pemberian (al-minnah), (11) kehalusan (al-riqqah), (12) pengampunan (al-maghfirah), (13) keluasan (al-si'ah), (14) kasih sayang (al-mawaddah), (15) pemeliharaan (al-'ismah), (16) cahaya (al-shams).<sup>1</sup> Secara umumnya, kebanyakan pengertian bahasa yang ditampilkan oleh Ibn al-Jawzi menggambarkan sifat kasih dan rahmat yang dibawa oleh Allah dan RasulNya. Rahmah dari segi bahasa juga diertikan sebagai belas kasih, sifat sayang dan belas yang tinggi.

<sup>1</sup> Ibn al-Jawzi, *Nuzhah al-A'yun al-Nawazir*, (Muassasa al-Risalah, 1987), 331-334.

## 2. KELUASAN KONSEP RAHMAH

Sesuai dengan lafaz ‘*lil alamin*’, konsep rahmah ini seharusnya bersifat universal yang mencakupi segenap pelusuk. Kasih sayang yang dibawa oleh Islam adalah sesuatu yang mesti dinikmati oleh setiap makhluk. Ini diungkapkan sendiri oleh Rasulullah dalam sebuah hadith yang disampaikan oleh Salman yang menyebutkan:

وَأِنَّمَا بَعَثَنِي رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

“Sesungguhnya aku diutuskan adalah rahmat buat sekalian alam”<sup>2</sup>

Perutusan Islam sebagai rahmat buat sekalian alam telah direalisasikan oleh Rasulullah sendiri dalam kehidupan Baginda. Konsep rahmah ini diterjemahkan oleh Rasulullah melalui komunikasi harian Baginda terhadap mereka yang berada disekelilingnya. Ini termasuklah sifat rahmah terhadap kanak-kanak<sup>3</sup>, anak perempuan<sup>4</sup>, wanita, anak yatim<sup>5</sup>, warga emas, penuntut ilmu malah haiwan<sup>6</sup>. Konsep berbuat baik ini kepada mereka yang berada di sekeliling kita ini adalah suatu prinsip yang telah dipraktikati.

## 2. RAHMAH KEPADA BUKAN MUSLIM (*NON-MUSLIM*)

Perbincangan mengenai aplikasi konsep *rahmatan lil alamin* terhadap bukan Muslim telah menjadi salah satu topik perbincangan dalam penafsiran ayat 107 daripada surah al-Anbiya ini. Perkara ini dinukilkan oleh al-Imam al-Tabari apabila beliau mengemukakan perselisihan ulama berhubung skop rahmah. Dalam merungkai persoalan ini, al-Tabari melontarkan persoalan: “Apakah rahmah ini hanya untuk Muslim atau mencakupi bukan Muslim?”<sup>7</sup> Dan sekiranya konsep ini merangkumi non-Muslim, apakah bentuk rahmah yang dinikmati oleh mereka?

### 2.1 Pandangan Ibn Abbas

Dalam ilmu tafsir, sarjana Muslim sering mengutamakan pandangan Ibn Abbas sebagai panduan bagi meneroka makna atau maksud sesuatu ayat. Ini sesuai dengan kedudukan istimewa Ibn Abbas yang menerima didikan serta doa langsung dari Baginda Nabi. Dalam memahami ayat ini, Ibn Abbas menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan rahmah ke atas seseorang itu adalah sekiranya dia beriman kepada Allah dan Rasul. Pandangan ini dinukilkan al-Tabari di dalam tafsirnya yang menyebutkan:

<sup>2</sup> Hadith ini mempunyai perbincangan yang panjang. Di awal matannya menceritakan bagaimana Huzaifah menyebutkan beberapa insiden yang menunjukkan Nabi pernah memarahi umatnya dengan kata-kata yang agak keras. Kenyataan Huzaifah ini mendapat bantahan dari Salman lalu perkara ini disampaikan kepada Rasulullah. Rasulullah lalu menjelaskan bahawa beliau diutuskan sebagai rahmat buat manusia. Apa yang terkeluar daripada mulut Baginda dalam keadaan marah adalah reaksi normal sebagai manusia biasa. Lihat, Abu Daud, Sunan (Dar al-Risalah al-Alamiyyah, 2009), 7/54; Ahmad ibn Hanbal, Musnad (Muassasah al-Risalah, 2001), 39/110.

<sup>3</sup> Sebagai contoh hadith Nabi dan Mahmud Ibn Al-Rabi’. Baginda Nabi bergurau dengan Mahmud dengan menyemburkan air kepada muka beliau. (HR Al-Bukhari), Hadith Nabi dengan Jabir Ibn Samurah. Menurut Jabir, beliau pernah solat Jemaah bersama Nabi, selesai solat Baginda keluar dari masjid dan lalu di kawasan yang ada kanak-kanak. Baginda lalu mengusap pipi kanak-kanak tersebut. Menurut Jabir tergambar kasih sayang Baginda Nabi buat anak-anak kecil. (HR Muslim), Hadith nasihat Nabi kepada Al-Aqra’ ibn Habis ketika melihat baginda mencium Al-Hasan. Menurut al-Aqra, beliau mempunyai ramai anak, tetapi tidak pernah mencium mereka. Baginda menasihatkan kepada al-Aqra bahawa “mereka yang tidak menyayangi tidak akan disayangi. (HR Al-Bukhari). Hadith Nabi meletakkan al-Hasan dan Usamah di atas riba Baginda (HR Al-Bukhari).

<sup>4</sup> Rasulullah Bersabda, “Sesiapa yang mempunyai tiga orang anak perempuan lalu mengasihi mereka, Allah akan menjanjikan mereka syurga” (HR Abu Daud). Nabi juga menyebut, “Mereka yang mengasihi anak perempuan akan berada rapat dengan Nabi di syurga” (HR Ahmad).

<sup>5</sup> Rasulullah Bersabda, mereka yang berbuat baik dengan anak yatim adalah orang yang rapat dengan aku seperti rapatnya jari telunjuk dan jari tengah (HR Muslim).

<sup>6</sup> Sebagai contoh, hadith wanita yang memberi anjing minum (HR Al-Bukhari) dan hadith berkenaan wanita yang dimasukkan ke dalam neraka kerana menyeksa kucing.

<sup>7</sup> Al-Tabari, Jami’ Al-Bayan, (Muassasah Al-Risalah, 2000), 18/551.

عن ابن عباس رضي الله عنهما في قوله: { وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ } [الأنبياء: 107] قال: من آمن بالله واليوم الآخر كتب له الرحمة في الدنيا والآخرة، ومن لم يؤمن بالله ورسوله عوفي مما أصاب الأمم من الخسف والقذف.

“Daripada Ibn Abbas bahawa dia mengatakan sesuatu berkenaan ayat (dan tidak kami utuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan sebagai rahmat buat sekalian alam), (Ibn Abbas) berkata: Sesiapa yang beriman kepada Allah dan Rasul, maka akan ditulis ke atasnya rahmah (dia akan mendapat rahmah), dan sekiranya dia tidak beriman, dia akan terselamat (ditanggihkan) dari apa yang telah ditimpakan terhadap umat terdahulu daripada bencana.”<sup>8</sup>

Pemahaman Ibn Abbas dalam perkara ini adalah jelas. Menurut beliau, rahmah yang dimaksudkan dalam ayat ini adalah keimanan seseorang kepada Allah dan Rasul. Ini adalah aspek yang paling utama dalam konsep ini sekaligus menggambarkan bahawa keimanan adalah rahmat yang paling besar buat manusia. Konsep *rahmatan lil alamin* ini seharusnya berteraskan prinsip ini iaitu membangun dan memelihara iman. Elemen yang boleh menggugat keimanan seorang muslim seharusnya dicegah dan dirawat. Dan sekiranya mereka tidak beriman, maka Ibn Abbas menyatakan bahawa penanggihan azab di dunia ini adalah rahmat buat mereka.

### 3. PEMBAHAGIAN KONSEP RAHMAH TERHADAP NON-MUSLIM

Dalam berurusan dengan non-Muslim, Rasulullah memberikan beberapa panduan yang penting untuk diteladani. Secara umumnya, Baginda menunjukkan nilai kemanusiaan yang sangat tinggi dalam mendampingi kumpulan ini. Berikut adalah beberapa aspek rahmah yang diterjemahkan dalam kehidupan Baginda:

#### 3.1. Hubungan Kemanusiaan dan Interaksi Sosial

Dari aspek interaksi sosial, kerangka kemanusiaan dan keperluan dakwah, Rasulullah menzahirkan sifat toleransi yang amat tinggi. Antaranya:

- a. Memelihara nyawa mereka. Muslim seharusnya melindungi non-Muslim yang tinggal bersama dengan mereka. Perkara ini dijelaskan oleh Rasulullah di dalam hadith yang sahih bahawa “Barangsiapa yang membunuh seorang kafir mu’ahid (yang mempunyai perjanjian keamanan dengan Muslim) maka Allah mengharamkan buat dirinya syurga.”<sup>9</sup>
- b. Berlaku baik dengan mereka. Perkara ini harus difahami sebagai konsep asas seorang Muslim untuk berinteraksi dengan non-Muslim. Ketika Asma didatangi oleh ibunya yang masih kafir, Rasulullah berpesan kepada Asma supaya melayaninya dengan baik. Begitu juga apabila datang delegasi dari Kristian Najran yang ingin berdialog dengan Rasulullah, mereka dilayan dengan hormat oleh Baginda.
- c. Menghormati mereka. Dalam satu peristiwa yang masyhur, Rasulullah pernah bangun terhadap jenazah seorang Yahudi. Sahabat lalu bertanya, bukankah dia seorang Yahudi? Rasulullah membalas: Bukankah dia seorang manusia?<sup>10</sup> Jelas dalam insiden ini, Rasulullah melihat penghormatan ini dari aspek kemanusiaan. Ianya secara tidak langsung menggambarkan konsep Rahmah yang sangat tinggi di dalam Islam. Sekiranya seorang jenazah Yahudi perlu dihormati,

<sup>8</sup> Al-Tabari, Jami al-Bayan (Muassasah al-Risalah, 2000), 18/552; Ibn Kathir, Tafsir al-Quran al-Azim (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1419H), 5/339; Said Hawwa, al-Asas fi al-Tafsir (Kaherah: Dar al-Salam, t.t), 7/3512.

<sup>9</sup> Al-Bukhari menggunakan lafaz barangsiapa yang membunuh kafir mu’ahid, maka dia tidak dapat mencium bau syurga, manakala Abu Daud dan al-Nasa’i menggunakan lafaz seperti di atas. Lihat al-Bukhari, Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*, Edt. Muḥammad Al-Nāṣir, (Dār Ṭūq Al-Naja, 1422h), 4/99; Abu Daud, Sunan, (Dar Al-Risalah Al-Alamiyya, 2009), 3/83; al-Nasa’i, Sunan al-Nasa’i, (Halab: Maktab al-Matbu’at al-Islamiyyah, 1986), 8/24.

<sup>10</sup> Al-Bukhārī, Sahih al-Bukhari, ed. Muḥammad Al-Nāṣir, (Dār Ṭūq Al-Naja, 1422h), 2/85.



bagaimana pula yang masih hidup, sudah tentu mereka harus diberikan hak-hak kemanusiaan mereka.

- d. Menziarahi mereka ketika sakit. Rasulullah juga direkodkan sebagai menziarahi bapa saudaranya yang masih lagi kafir iaitu Abu Talib ketika beliau sedang sakit.<sup>11</sup> Menurut Anas, Nabi juga pernah menziarahi seorang budak lelaki yahudi yang pernah berkhidmat kepada Nabi.<sup>12</sup>
- e. Memberi dan menerima hadiah. Seekor kambing telah disembelih untuk Abdullah ibn Amru dan keluarganya. Apabila beliau sampai, beliau bertanya kepada ahlinya apakah kami telah memberikan sebahagian kambing ini kepada jiran kita beragama yahudi itu? Sesungguhnya aku pernah mendengar dari Rasulullah bahawa Jibril sentiasa mengingati Nabi supaya berbuat baik dengan jiran.<sup>13</sup> Nabi juga diriwayatkan sebagai pernah menerima hadiah daripada non-Muslim termasuklah Raja Muqauqis dari Mesir,<sup>14</sup> seorang perempuan yahudi Khaybar yang menghadihkan Nabi daging kambing.<sup>15</sup>
- f. Urusan Pekerjaan. Rasulullah pernah memanfaatkan kepakaran seorang pengembara dari Bani al-Dil yang mahir dalam selok belok perjalanan.<sup>16</sup> Nabi SAW juga pernah menggunakan perkhidmatan pertanian yang ditawarkan oleh yahudi Bani Khaybar ketika di Madinah.<sup>17</sup>

#### 4. KETEGASAN RASULULLAH ADALAH RAHMAH

Adalah kurang tepat sekiranya kita hanya menumpukan sifat belas kasih dan toleransi Rasulullah sahaja sebagai rahmah sedangkan ketegasan Rasulullah terhadap muslim dan non-muslim juga adalah rahmah buat mereka. Ini dinyatakan sendiri oleh Baginda Nabi ketika mendengar ancaman dari Abu Jahal yang menyeru Qurasyh untuk memusuhi Islam. Lalu Baginda bersabda:

وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ، لَأَقْتُلَنَّهُمْ، وَلَا صَلَّابَتَهُمْ، وَلَا أَهْدِيَنَّهُمْ، وَهُمْ كَارِهُونَ، إِنِّي رَحِمَةٌ، بَعَنِّي اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ، وَلَا يَتَوَفَّأَنِي  
حَتَّى يُظْهَرَ اللَّهُ دِينَهُ

“Dan demi nyawaku yang berada di tanganNya, aku akan memerangi mereka, menyalib mereka, dan memberi hidayah kepada mereka sekalipun mereka dalam keadaan yang membenci. Sesungguhnya aku adalah rahmah yang diutuskan oleh Allah, dan Allah tidak akan mematikan aku sehinggalah Allah memenangkan agamanya.”<sup>18</sup>

Hadith ini jelas menunjukkan bahawa sekalipun mengisytiharkan ketegasan dalam memerangi kafir dan Jahiliah, Rasulullah masih menyifatkan diri Baginda sebagai seorang yang rahmah. Ini bererti, ketegasan Baginda dalam menyebarkan iman dan Islam adalah rahmah yang paling besar. Rahmat dalam memberikan hidayah lebih tinggi nilainya mengatasi tolak ansur dalam perkara keimanan.

<sup>11</sup> Al-Bukhari, Sahih, 2/95.

<sup>12</sup> Al-Bukhari, Sahih, 2/94.

<sup>13</sup> Al-Tirmizi, Sunan al-Tirmizi, (Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, 1998), 3/397; Abu Daud, Sunan, 4/338.

<sup>14</sup> Al-Hakim, Al-Mustadrak, (Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyya, 1990) 4/41; Ibn Abi Shayba, Musannaf, (Riyadh, Maktabah Al-Rusyd, 1409) 6/516.

<sup>15</sup> Abu Daud, Sunan, (Dar Al-Risalah Al-Alamiyya, 2009), 6/567.

<sup>16</sup> Al-Bukhari, Sahih Al-Bukhari, 3/88.

<sup>17</sup> Al-Bukhari, Sahih Al-Bukhari, 3/94; Ibn Majah, Sunan, (Dar Ihya Al-Kutub Al-Arabiyya), 2/824.

<sup>18</sup> Said Hawwa, al-Asas fi al-Tafsir (Kaheerah: Dar al-Salam, t.t), 7/3512; Ibn Kathir, Tafsir al-Quran al-Azim (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1419H), 5/339; al-Tabrani, al-Mu'jam al-Kabir (Kaheerah: Maktaba Ibn Taimiyyah, t.t.), 2/123.

#### 4.1 Ketegasan Dalam Perkara Aqidah, Syariah dan Syiar Islam

Dalam menerapkan nilai serta semangat rahmah yang tinggi, Rasulullah dilihat meletakkan sempadan yang jelas apabila sesuatu perkara itu melibatkan perkara aqidah dan kehormatan Islam.<sup>19</sup> Perkara ini dijelaskan oleh Dr. Yusuf al-Qardawi bahawa selain daripada pembayaran jizyah dan pematuhan undang-undang, salah satu tanggungjawab non-Muslim (ahl zimmah) yang perlu dipegang adalah menjaga perasaan (sensitiviti) umat Islam.<sup>20</sup> Al-Qardawi menjelaskan bahawa dengan itu tidak boleh bagi non-Muslim untuk mencerca Islam, Rasulullah dan al-Quran secara zahir. Bahkan, bagi menjaga sensitiviti Muslim, beliau turut menegaskan makan secara terbuka di dalam bulan Ramadan juga seharusnya dikawal bagi menjaga sensitiviti umat Islam.

Perkara ini dikategorikan oleh Dr. Khairul Azhar Meerangani dalam perkara ‘Tanggungjawab Keamanan’ yang perlu dipelihara bersama oleh non-Muslim. Beliau menjelaskan bahawa: “warga non Muslim dilarang sama sekali daripada melakukan perkara yang boleh mengguris perasaan umat Islam seperti hasutan, provokasi keagamaan, pencabaran hak serta penzahiran syiar agama mereka dalam kalangan umat Islam.”<sup>21</sup> Malah sehingga satu tahap, menurut Dr. Luqman Hj Abdullah: “Para fuqaha juga membincangkan supaya dibezakan orang Islam dengan zimmi dari sudut pakaian, kenderaan dan tempat tinggal demi untuk menjaga orang Islam dari merasa tertipu dan terpengaruh dengan mereka.”<sup>22</sup>

Al-Qardawi berhujah dengan satu insiden yang berlaku di antara seorang sahabat Nabi yang bernama ‘Arafah ibn al-Harith dengan seorang lelaki yang beragama Kristian. ‘Arafah telah mengajak lelaki tersebut untuk memeluk Islam, namun lelaki tersebut menolak dan mencerca Rasulullah. Perkara ini diadukan kepada Amru ibn al-As, lalu Amru menjawab bahawa kita tidak boleh berbuat apa-apa kerana mereka adalah zimmi dan kita telah memberi perlindungan buat mereka. ‘Arafah membantah dan berkata: Kita memberi perlindungan kepada mereka selagi mana mereka redha dengan hukum-hukum Islam dan menghormati Islam. Sekiranya mereka melanggar perjanjian ini maka hak perlindungan mereka telah terlucut. Amru lalu berkata: Benar apa yang engkau kata.<sup>23</sup>

Menjaga kehormatan Islam dan Muslim adalah suatu perkara yang asas yang seharusnya difahami oleh non-Muslim. Dalam menghuraikan tanggungjawab non-Muslim dalam perkara ini, Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah menyebutkan satu insiden yang direkodkan oleh al-Imam al-Bayhaqi yang menceritakan bahawa seorang lelaki Yahudi telah melakukan pencabulan terhadap seorang perempuan Muslimah pada zaman Saidina Umar. Ketika menyaksikan insiden tersebut, ‘Auf ibn Malik datang membela wanita muslimah itu lalu memukul lelaki Yahudi tersebut. Yahudi itu marah (kerana dipukul), dia mengadukan perkara ini kepada Saidina Umar. Umar menghantar Suhayb untuk menyasat perkara itu dan ternyata perempuan tersebut telah dicabul. Umar lalu berkata: “Bukan sebegini perjanjian keamanan yang kami berikan kepada kamu”. Umar lalu mengarahkan lelaki tersebut disalib.<sup>24</sup>

Bukan sahaja kehormatan fizikal yang harus dijaga, keluhuran undang-undang Islam serta ketinggian syiarnya sangat dipelihara oleh Rasulullah dan para sahabat. Non-Muslim dilarang sama sekali untuk mengeluarkan kenyataan yang berbentuk penghinaan secara zahir terhadap Allah dan RasulNya. Perkara

<sup>19</sup> Malah pembangunan karya Dalail al-Nubuwwah dikatakan mempunyai hubungan dengan pemeliharaan aqidah Islam tentang konsep kenabian. Lihat: Azmi, Ahmad Sanusi. "The Development of Dalail Nubuwwa Literature: An Emblem of Interreligious Dialogue in Early Islam." *The Social Sciences* 13, no. 5 (2018): 1072-1078.

<sup>20</sup> Al-Qardawi, Ghayr Al-Muslimin Fi Al-Mujtama' Al-Islami, (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1992), 45-46.

<sup>21</sup> Khairul Azhar Meerangani, Isu Semasa Terhadap Hubungan Sosial dengan Non-Muslim Di Malaysia daripada Perspektif Hukum Islam, Tesis PhD, Akademik Pengajian Islam, University Malaya, 2016), 119-120.

<sup>22</sup> Luqman Hj Abdullah, Kerangka Asas dalam Pembinaan Hukum Fiqh Masyarakat Bukan Islam Masa Kini, Kertas Kerja Simposium Fiqh Masyarakat Bukan Islam Di Malaysia (2009), 7.

<sup>23</sup> Al-Bayhaqi, al-Sunan al-Kubra, (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyya, 2003), 9/336. Penghujahan ini juga digunakan oleh al-Qardawi serta Khairul Azhar Meerangani dalam perihal batasan toleransi dengan non-Muslim.

<sup>24</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, Ahkam ahl Zimmah, (al-Dammam: Ramadi li al-Nashr, 1997), 3/1351; al-Bayhaqi, Sunan al-Kubar, (Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 2003), 9/338.

ini ditegaskan oleh Ibn al-Qayyim dengan menampilkan beberapa contoh individu yang dihukum oleh Rasulullah kerana menzahirkan penghinaan terhadap Rasulullah.<sup>25</sup> Antaranya:

- a. Menurut Saidina Ali, seorang lelaki perempuan Yahudi pernah mencera Nabi secara terang-terangan. Perempuan tersebut telah dibunuh lalu perkara ini di bawa kepada Nabi. Rasulullah mempertahankan tindakan tersebut dengan menyatakan bahawa perjanjian perlindungan perempuan tersebut terbatal kerana tindakan tersebut.<sup>26</sup>
- b. Al-Imam Ahmad ibn Hanbal berhujah dengan riwayat daripada Ibn Abbas yang menceritakan tentang seorang lelaki<sup>27</sup> yang memiliki Umm Walad (seorang hamba perempuan yang melahirkan anak kepada tuannya). Perempuan ini (Umm Walad tersebut) sering mengutuk (mencaci: tashtumu) Nabi. Setelah dinasihati oleh lelaki ini berkali-kali, perempuan tersebut masih kekal dengan sifatnya yang menghina Rasulullah. Hilang sabar dengan sikap perempuan itu, lelaki tersebut membunuhnya. Apabila perkara ini disampaikan kepada Nabi, Rasulullah berkata perjanjian keamanan yang diberikan kepada perempuan tersebut telah terbatal kerana menyakiti Nabi.<sup>28</sup>
- c. Malah ketika pembukaan kota Mekka, Rasulullah menamakan beberapa orang kafir yang sering menyakiti Islam. Arahan ini amat tegas sehingga Baginda mengarahkan mereka harus dibunuh sekalipun dijumpai berselindung di sebalik kelambu Ka'bah. Individu yang dinamakan oleh Rasulullah adalah: 'Abdullah Ibn Abi Sarh, 'Abdullaah Ibn Khatal bersama dengan dua orang penyanyi perempuan milik beliau, 'Ikrimah ibn Abu Jahal, Harith Ibn Nufayl, Miqyas ibn Sababah, Habbar ibn Al-Aswad serta Sarah (hamba perempuan kepada Bani 'Abdul Muttalib). Ibn Hajar menambah bahawa al-Harith ibn Talatil al-Khuza'i turut dinamakan sebagai mereka yang diharamkan darah mereka manakala al-Imam al-Hakim menyebutkan bahawa Ka'b ibn Zuhayr termasuk dalam senarai tersebut. Menurut al-Mubarakfuri, nama-nama ini adalah kumpulan yang secara zahir memberikan penghinaan terhadap Allah dan Rasul.<sup>29</sup>

Ini bererti bahawa terdapat batasan yang perlu diperhalusi oleh Muslim dan non-Muslim dalam menjaga keharmonian hidup bermasyarakat. Terdapat garis sempadan yang telah dijelaskan oleh sarjana Islam berhubung perkara ini. Dalam menghuraikan perkara berkaitan dengan konsep perjanjian keamanan ('aqd al-zimmah) antara Muslim dan non-Muslim, al-Imam al-Nawawi menegaskan bahawa, sekiranya seorang zimmi enggan untuk beriltizam dengan pembayaran cukai (jizyah) atau iltizam (menghormati) hukum-hukum Islam, maka terbatalah perjanjian keamanan tersebut. Al-Imam al-Syafi'i telah memperincikan lagi perbincangan ini dengan meletakkan pendirian bahawa setiap yang memberikan kemudahan kepada Muslim boleh membawa kepada terbatalnya perjanjian keamanan. Antara perkara yang disebut oleh beliau termasuklah sekiranya zimmi berzina dengan muslimah, memperdaya (fitnah) seorang Muslim sehingga Muslim tersebut meninggalkan agamanya, merompak Muslim serta mendedahkan keaiban Muslim.<sup>30</sup>

## 5. RAHMAH ADALAH MEMBANTERAS JAHILIAH

Al-Imam Ahmad merekodkan perbualan Abu Zar dengan Rasulullah berhubung persoalan-persoalan yang berkaitan dengan Islam. Dalam satu plot perbualan ini, Abu Zar kelihatan menyifatkan konsep *rahmatan lil alamin* ini sebagai sesuatu yang berkaitan dengan meninggalkan jahiliah. Kata Abu Zar:

<sup>25</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *Ahkam ahl Zimmah*, (al-Dammam: Ramadi li al-Nashr, 1997), 3/1398.

<sup>26</sup> Abu Daud, Sunan Abu Daud, (Beirut: Maktaba al-Asriyyah, t.t.), 4/129 (no. 4362). (Hadith ini walaupun bagaimanapun dihukum daif isnad oleh al-Albani)

<sup>27</sup> Sebahagian riwayat menyatakan bahawa lelaki tersebut adalah seorang yang buta.

<sup>28</sup> Abu Daud, Sunan Abu Daud, (Beirut: Maktaba al-Asriyyah, t.t.), 4/129 (no. 4361); al-Nasa'i, Sunan al-Nasa'i, (Halab: Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah, 1986), 7/107.

<sup>29</sup> Al-Mubarakfuri, *Rahiq al-Makhtum*, (Beirut: Dar al-Hilal, t.t.), 373-374.

<sup>30</sup> Al-Nawawi, *al-Majmu' Sharh al-Muhazzab*, (Dar al-Fikr, t.t.), 19/423.

قُلْتُ: يَا نَبِيَّ اللَّهِ إِنَّا كُنَّا أَهْلَ جَاهِلِيَّةٍ وَعِبَادَةَ أَوْثَانٍ فَبَعَثَكَ اللَّهُ رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ أَرَأَيْتَ الصَّلَاةَ مَاذَا هِيَ؟ قَالَ: " خَيْرٌ مَوْضُوعٍ مَنْ شَاءَ اسْتَقَلَّ وَمَنْ شَاءَ اسْتَكْتَر... "

“Aku berkata (Abu Zar): Wahai Nabi Allah, sesungguhnya kami sebelum ini adalah ahli Jahiliah dan menyembah berhala, maka Allah utuskan engkau rahmat buat alam ini: Lalu apakah pandanganmu tentang solat? Lalu Rasulullah bersabda: Ini adalah sebaik-baik tajuk (perbincangan), barangsiapa yang berkeinginan, dia boleh melakukannya secara minimum, barangsiapa yang berkehendak, dia boleh melakukan dengan banyak...”<sup>31</sup>

Perhatikan di sini bagaimana setelah menyebut berkenaan Jahiliah, Abu Zar lantas menyifatkan Baginda sebagai rahmah. Kenyataan beliau seakan menunjukkan kedatangan Rasulullah yang menjauhkan mereka dan membanteras elemen-elemen Jahiliah dalam masyarakat adalah rahmah buat mereka. Begitulah keadaannya hari ini, setiap perlakuan, amalan atau kepercayaan yang bersifat Jahiliah haruslah ditinggalkan dan dibanteras. Ini selaras dengan pemahaman sahabat Nabi berhubung konsep ini.

## 6. HIDAYAH ADALAH RAHMAH

Selain meninggalkan Jahiliah, berusaha dalam menyampaikan hidayah adalah sesuatu yang bertepatan dengan konsep *rahmatan lil alamin*. Dalam sebuah hadith, Baginda Nabi menyebutkan:

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " إِنَّ اللَّهَ بَعَثَنِي رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ وَهُدًى لِلْعَالَمِينَ، وَأَمْرِي رَبِّي بِمَحَقِّ الْمَعَازِفِ وَالْمَزَامِيرِ وَالْأَوْثَانِ وَالصُّلْبِ، وَأَمْرٍ الْجَاهِلِيَّةِ... "

“Daripada Abu Umamah, beliau berkata, Rasulullah bersabda: Sesungguhnya Allah mengutuskan aku sebagai rahmat buat sekalian alam serta hidayah buat sekalian alam. Dan aku diperintahkan untuk membinasakan alat-alat hiburan (yang melalaikan), memusnahkan berhala dan salib (perkara-perkara aqidah) serta (meninggalkan) urusan Jahiliah...”<sup>32</sup>

Dalam hadith ini pula Rasulullah mengaitkan perutusan Baginda sebagai *rahmatan lil alamin* dengan konsep *hudan* (hidayah) *lil alamin* pula. Seakan penyebaran dan pengukuhan hidayah dan iman ini adalah saudara kembar kepada *rahmatan lil alamin* yang tidak boleh dipisahkan. Seseorang tidak boleh mendakwa mengamalkan konsep *rahmatan lil alamin* dalam keadaan yang sama meninggalkan aspek usaha ke arah pengukuhan hidayah dan keimanan.

## 7. ASAS-ASAS KONSEP RAHMATAN LIL ALAMIN

Melalui analisis terhadap hadith-hadith di atas, beberapa asas boleh dibentuk dalam membangunkan konsep asas *rahmatan lil alamin*:

1. *Rahmatan lil alamin* adalah prinsip yang mengutamakan pembangunan dan pengukuhan aqidah dan syarak. Ini selaras dengan pandangan Ibn Abbas dalam memahami ayat 107 daripada surah al-Anbiya yang menjadi batu asas kepada konsep ini.
2. Bersikap tegas juga adalah salah satu pendekatan *rahmatan lil alamin*. Rahmah tidak bererti membiarkan maksiat atas nama kedamaian dan kasih-sayang. Ini jelas dalam hadith al-Tabrani

<sup>31</sup> Ahmad ibn Hanbal, Musnad (Muassasah al-Risalah, 2001), 36/618. Sheikh Syaib al-Arna'ut menghukumkan hadith ini sebagai daif. Al-Tabrani turut meriwayatkan hadith ini di dalam al-Mu'jam al-Kabir (8/217).

<sup>32</sup> Ahmad ibn Hanbal, Musnad (Muassasah al-Risalah, 2001), 36/646. Sheikh Syaib al-Arna'ut bagaimanapun meletakkan hadith ini sebagai sangat lemah (daif jidda) disebabkan kewujudan dua perawi yang lemah iaitu Faraj ibn Fadalah ibn al-Nu'man al-Tannukhi dan Ali ibn Yazid. Hadith ini turut diriwayatkan oleh al-Tabrani, al-Mu'jam al-Kabir (Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyah, t.t.), 8/196.



yang menyifatkan ketegasan Rasulullah sehingga ke tahap berperang demi menyampaikan Islam dan hidayah. Batas aqidah dan syiar Islam mestilah diperjelas bagi mendidik masyarakat bahawa aqidah Islam adalah pegangan tertinggi bagi seorang Muslim. Muslim akan bertegas dalam urusan yang melibatkan aqidah dan syiar Islam.

3. Konsep *rahmatan lil alamin* seharusnya bersih dari toleransi terhadap apa jua elemen yang boleh menggugat kedudukan Islam.
4. Meninggal sebarang bentuk elemen Jahiliyah adalah salah satu prinsip *rahmatan lil alamin* yang mesti ditegaskan. Unsur liberal atau pemikiran luar yang merosakkan Islam mestilah dibendung dalam memelihara asas keimanan seperti yang difahami dari hadith Abu Zar.
5. Pengukuhan usaha menyampaikan hidayah yang benar adalah teras dalam membangunkan konsep *rahmatan lil alamin*.

## 8. PERBEZAAN PENDEKATAN RAHMATAN LIL ALAMIN

Rasulullah dilihat menggunakan pendekatan yang berbeza dalam menyebarkan Islam melalui konsep *rahmatan lil alamin*. Ini dapat difahami melalui dua hadith yang berbeza di mana keduanya Rasulullah menyebutkan tentang sifat rahmah.

Dalam berhadapan dengan kumpulan manusia yang menolak Islam bahkan mengengkari Islam kerana tidak sampai kefahaman Islam kepada mereka, maka Rasulullah akan menggunakan pendekatan yang lembut dan damai. Ini adalah kerana, punca penolakan mereka terhadap Islam adalah kerana kurangnya kefahaman mereka tentang Islam. Pendekatan ini difahami melalui hadith yang menukikan pendekatan Rasulullah terhadap kaum Daus. Menurut riwayat sirah, al-Tufayl ibn Amru al-Dausi telah memeluk Islam dan menyampaikan dakwah kepada kaumnya. Namun kaumnya enggan menerima Islam. Perkara ini diadukan kepada Baginda Nabi:

أَتَى رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ ، صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقَالَ: يَا نَبِيَّ اللَّهِ الْعَرَبُ دَوْسًا ، فَوَاللَّهِ مَا رَأَيْتُ قَوْمًا قَطُّ أَفْتَكَ رَجُلًا وَلَا أَفْتَكَ فِتَاءً مِنْهُمْ، فَقَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ: يَا قَوْمَاهُ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «إِنَّا لَمْ نُبْعَثْ طَغَانِينَ وَلَا لَعَانِينَ وَلَكِنَّا بُعِثْنَا بِرَحْمَةٍ لِّلْعَالَمِينَ

“Seorang lelaki datang menemui Rasulullah SAW lalu berkata: Wahai Rasulullah, doakan laknat ke atas kaum Daus, sesungguhnya aku tidak melihat kaum yang paling rosak lelaki dan pemudanya daripada mereka. Maka Abu Hurayrah pun berkata: Wahai kaumku! (Mendengar permintaan lelaki tersebut), Rasulullah lalu bersabda: Sesungguhnya kami diutuskan bukanlah sebagai penusuk (orang yang berperang semata) dan bukan juga sebagai pelaknat, tetapi kami diutuskan sebagai rahmat buat sekalian alam (*rahmatan lil alamin*).”<sup>33</sup>

Manakala bagi mereka yang menentang dan memusuhi Islam kerana keegoan dan sifat angkuh, malah menggunakan penentangan yang mampu menggugat Islam, maka Rasulullah dilihat menggunakan kekerasan. Ini bagi memelihara kedudukan Islam itu sendiri. Dengan itu kita dapat bagaimana Rasulullah sendiri mengisytiharkan kekerasan dan disertakan dengan sikap rahmah. Sabda Rasulullah:

وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ، لَأَقْتُلَنَّكُمْ، وَأَلْصَلِّبَنَّكُمْ، وَأَلْهَدِيَنَّكُمْ، وَهُمْ كَارِهِونَ، إِنِّي رَحْمَةٌ، بَعَثَنِي اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ، وَلَا يَتَوَفَّانِي حَتَّى يُظْهِرَ اللَّهُ دِينَهُ

<sup>33</sup> Hadith ini direkodkan oleh Ibn Wahb di dalam kitab al-Jami'. Kisah lelaki yang mengadu tentang kaum Daus ini direkodkan di dalam banyak hadith termasuklah al-Bukhari dan Ishaq ibn Rahweih. Baginda lalu mendoakan hidayah buat mereka dengan lafaz: (اللَّهُمَّ اهدِ دَوْسًا). Lihat, Ibn Wahb, al-Jami fi al-Hadith (Riyad: Dar Ibn al-Jauzi, 1995), 1/472.



“Dan demi nyawaku yang berada di tanganNya, aku akan memerangi mereka, menyalib mereka, dan memberi hidayah kepada mereka sekalipun mereka dalam keadaan yang membenci. Sesungguhnya aku adalah rahmah yang diutuskan oleh Allah, dan Allah tidak akan mematikan aku sehinggalah Allah memenangkan agamaNya.”<sup>34</sup>

Ini bererti, tindakan yang bercanggah dan bertentangan dengan Islam sehingga boleh menggugat kedudukan Islam, maka pendekatan tegas boleh dilaksanakan. Ini bagi memelihara kedudukan Islam itu sebagai perundangan tertinggi bagi seorang muslim.

## 9. PENGAMALAN KONSEP RAHMAH DI MALAYSIA

Menurut Khairul Azhar Meerangani, pasca PRU ke-12 pada tahun 2008 memperlihatkan berlakunya perubahan drastik dalam komposisi penguasaan politik yang menyebabkan timbulnya keberanian sebahagian pihak untuk mula mempersoalkan peruntukan dan tuntutan tertentu. Beberapa isu telah dibangkitkan dan menampakkan gambaran seolah Islam adalah agama yang keras sehingga tiada ruang toleransi. Malah ketegangan isu ini terpamer melalui tindakan-tindakan provokasi tertentu seperti ugutan pembakaran kitab injil (28 Oktober 2014),<sup>35</sup> lemparan kepala khinzir ke dalam masjid (27 Januari 2010)<sup>36</sup> serta perarakan kepala lembu dalam isu bantahan pembinaan kuil di Shah Alam (28 Ogos 2009).<sup>37</sup>

Fenomena yang sama berlaku setelah PRU 14 apabila beberapa tuntutan dilihat menekan diplomasi syariat. Perkara-perkara yang bercanggah dengan pendirian syarak dipersembah dan dinilai semula atas nama hak-hak asasi manusia. Kerajaan Malaysia yang baharu telah memperkenalkan konsep *rahmatan lil alamin* dalam menangani isu-isu ini. Dalam ruang yang terhad ini, beberapa isu akan dinilai secara ringkas dari aspek pengamalan konsep rahmah di Malaysia. Berikut adalah antara beberapa isu yang dikaitkan dengan konsep *rahmatan lil alamin*:

### 9.1 Perjuangan Hak-Hak LGBT

Pada 10 Ogos 2018, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama) Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa telah mengadakan pertemuan dengan aktivis sosial yang juga transgender, Nisha Ayub. Melalui sidang media yang berlangsung sejurus pertemuan bersama aktivis LGBT itu diadakan, Dr Mujahid menyatakan:

“Menerusi pertemuan hari ini, banyak isu yang saya fahami dan ia patut dibela selaras dengan prinsip *Rahmatan Lil’alamin* yang menjadi teras kepada pentadbiran hal ehwal Islam di negara ini.”<sup>38</sup>

Berdasarkan kenyataan ini, Dr Mujahid menggambarkan bahawa kerajaan akan menangani isu tuntutan hak LGBT ini berdasarkan prinsip *rahmatan lil alamin*. Namun, beberapa keputusan daripada kenyataan beliau telah menerima bantahan dari pelbagai pihak termasuklah muft-mufti di beberapa buah negeri. Ini termasuklah kenyataan beliau yang membenarkan transgender memasuki tandas perempuan. Menilai keputusan ini, Mufti Perlis menegaskan bahawa, seseorang itu seharusnya masuk tandas berdasarkan dari mana air kencing seseorang itu keluar. Sekiranya dari kemaluan lelaki, maka seseorang itu seharusnya masuk ke tandas lelaki.<sup>39</sup> Dalam reaksi beliau terhadap pertemuan Dr Mujahid dengan transgender tersebut, Mufti Pahang pula menyuarakan bahawa tidak seharusnya seseorang itu memberi ruang kompromi dalam aktiviti yang bercanggah dengan agama ini.<sup>40</sup> Manakala Mufti Penang pula memberikan

<sup>34</sup> Al-Tabrani dan Ibn Kathir.

<sup>35</sup> <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/rampas-bakar-bible-jabatan-peguam-negara-tidak-dakwa-ibrahim-ali-44762>

<sup>36</sup> <https://www.malaysiakini.com/news/122975>

<sup>37</sup> <https://www.malaysiakini.com/news/111611>

<sup>38</sup> <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/08/460514/transgender-tidak-harus-ditindas>

<sup>39</sup> <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2018/08/13/tandas-mufti-perlis/>

<sup>40</sup> <https://www.msn.com/en-my/news/nasional/no-compromise-on-lgbt-says-pahang-mufti/ar-BBLStq5>.

Lihat juga <http://www.sinarharian.com.my/edisi/pahang/mufti-pahang-tiada-kompromi-untuk-golongan-lgbt-1.868103>.

kenyataan yang lebih berat apabila menyamakan perjuangan kebebasan hak LGBT seperti binatang.<sup>41</sup> Setelah menerima kritikan dari pelbagai pihak, Dr. Mujahid pada 13 Ogos 2018 menarik semula kenyataan beliau dan menyifatkannya sebagai kenyataan yang mengelirukan.<sup>42</sup>

Sementara itu, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar turut mengeluarkan kenyataan yang hampir sama, menyeru masyarakat mendekati golongan LGBT dengan prinsip *rahmatan lil alamin*. Mahfuz dipetik sebagai berkata:

“Dekati mereka (LGBT) secara lemah lembut, dan bawa sifat *Rahmatan Lil 'Alamin* (rahmat bagi seluruh alam semesta) kerana Islam agama yang sangat menghormati setiap manusia.”<sup>43</sup>

### 9.1.1 Pendirian Rasulullah Terhadap LGBT

*Rahmatan lil alamin* ini adalah sifat yang disifatkan kepada Rasulullah. Bererti pendekatan yang bersifat *rahmatan lil alamin* ini seharusnya merujuk kepada apa dan bagaimana tindakan Baginda Nabi terhadap kumpulan ini. Berikut adalah beberapa hadith yang menyatakan pendirian Rasulullah terhadap golongan LGBT ini iaitu:

1. Meneliti hadith-hadith berkaitan pendekatan Rasulullah terhadap golongan ini, kita dapati bahawa Baginda Nabi menggunakan pendekatan yang agak tegas dan keras. Ini memberikan kita gambaran bahawa Rasulullah cuba membina kerangka fikir bagi membentuk gambaran (*tasawwur*) yang jelas bahawa perlakuan ini tidak boleh diterima dalam Islam.
2. Antaranya Rasulullah menegaskan bahawa perlakuan homoseksual seperti yang dilakukan oleh kaum Nabi Lut adalah sesuatu yang terlaknat. Sabda Rasulullah:

لَعَنَّ اللَّهُ مَنْ عَمِلَ عَمَلِ قَوْمِ لُوطٍ

Maksudnya: “Allah melaknat mereka yang melakukan perbuatan kaum Lut.”<sup>44</sup>

Menurut al-Imam Ibn al-Qayyim, Rasulullah tidak pernah melaknat pelaku dosa besar sebanyak tiga kali berturut-turut seperti yang dilakukan kepada pelaku homoseksual ini.<sup>45</sup> Di sini jelas menampakkan ketegasan Baginda dalam menangani permasalahan ini.

3. Rasulullah menyuarakan kebimbangan Baginda terhadap kemunculan golongan ini. Sabda Nabi:

إِنَّ أَخَوْفَ مَا أَخَافُ عَلَى أُمَّتِي عَمَلُ قَوْمِ لُوطٍ

Maksudnya: “Sesungguhnya antara perkara yang paling aku takuti (bimbangi) dikalangan umat aku adalah perlakuan amalan kaum Nabi Lut.”<sup>46</sup>

4. Rasulullah turut mengenakan hukuman yang keras terhadap mereka yang disabitkan kesalahan dengan melakukan perlakuan amalan kaum Nabi Lut ini. Sabda Rasulullah:

<sup>41</sup> <https://www.malaysiakini.com/news/438315>

<sup>42</sup> <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/08/461218/saya-minta-maaf-atas-kenyataan-mengelirukan-mujahid>

<sup>43</sup> <http://www.sinarharian.com.my/nasional/didik-lebih-baik-dari-kecam-1.867611>,

<http://www.bernama.com/en/news.php?id=1631647>

<sup>44</sup> Rasulullah mengulangi lafaz ini sebanyak tiga kali. Menurut Sheikh al-Arna'ut, sanad hadith ini dinilai sebagai Jaid manakala perawinya disifatkan sebagai perawi yang sahih. Hadith ini turut diriwayatkan oleh Abu Ya'la dan Ibn Hibban. Lihat Ahmad ibn Hanbal, Musnad (Muassasah al-Risalah, 2001), 5/26.

<sup>45</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, al-Jawab al-Kafi li man sa'ala 'An al-Dawa' al-Shafi (Maghribi: Dar al-Ma'rifah, 1997), 1/170.

<sup>46</sup> Hadith ini dinilai sebagai hasan oleh al-Tirmizi dan al-Albani, manakala al-Arna'ut menghukumkannya sebagai daif. Lihat Ibn Majah, Sunan (Dar Ihya al-Kutub al-Arabiyyah), 2/856; al-Tirmizi, Sunan (Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, 1998), 3/110.

مَنْ وَجَدْتُمُوهُ يَعْمَلْ عَمَلًا قَوْمِ لُوطٍ، فَأَقْتُلُوا الْفَاعِلَ، وَالْمَفْعُولَ بِهِ

Maksudnya: “Barangsiapa yang mendapati mereka yang mengamalkan amalan kaum Nabi Lut ini maka bunuhlah si pelaku dan yang diperlakukan.”<sup>47</sup>

5. Bermula dari membina gambaran (*tasawwur*) yang jelas dan tegas bahawa perbuatan kaum Nabi Lut ini adalah perlakuan yang terlaknat, sehinggalah kepada hukuman yang keras, jelas memberikan gambaran kepada kita bahawa pendekatan Baginda Nabi dalam perkara ini adalah tegas dan keras. Pendirian ini sedikit pun tidak lari dari konsep *rahmatan lil alamin* kerana telah dijelaskan sebelum ini bahawa rahmah tidak hanya tertempu pada belas kasih, bahkan ketegasan juga adalah suatu rahmat.

## 9.2 Dr Asri dan Dr Ramasamy Berhubung Isu Keganasan

Pada 13 Julai 2018, Sinar Harian melaporkan permintaan Dr Mohd Asri Zainul Abidin, Mufti Perlis, yang dikatakan mempelawa Dr. P Ramasamy untuk berdebat dengan Dr Zakir Naik berhubung dakwaan kedua mereka terbabit dengan elemen keganasan. Dr Asri dipetik sebagai menulis:

“Jika Ahli Jawatankuasa Eksekutif (CEC) DAP, Dr P Ramasamy yakin pendakwah terkenal, Dr Zakir Naik seorang pengganas yang berbahaya untuk negara ini dan mesti dihalau, maka debat adalah peluang untuk beliau membuktikannya.”<sup>48</sup>

Sebelum itu pada 10 April 2016, Ramasamy menyifatkan Zakir Naik sebagai “Satan” menerusi *facebooknya*. Tindakan ini menimbulkan kemarahan umat Islam lalu mereka mendesak Ramasamy supaya dikenakan tindakan. Pada 12 April, Ramasamy menarik semula kenyataan tersebut dan memohon maaf.<sup>49</sup> Namun, setelah PRU 14, polemik ini dihidupkan semula apabila Ramasamy mencadangkan supaya Zakir Naik dihantar pulang ke India bagi membersihkan tuduhan yang mengaitkan Zakir Naik dengan keganasan. Menempelak dakwaan itu, Asri mendakwa bahawa Ramasamy juga adalah pengganas dan mengaitkan penglibatan beliau dengan kumpulan pengganas Tamil antarabangsa, iaitu merujuk kepada pergerakan Harimau Pembebasan Tamil Eelam (LTTE).<sup>50</sup>

Bagi menangani isu ini, Dr. Mujahid mengaturkan pertemuan bersama mereka berdua dan kemudiannya menyifatkan pertemuan ini sebagai sesuatu yang berasaskan konsep *rahmatan lil alamin*.<sup>51</sup>

### 9.2.1 Perdamaian adalah Rahmat

Tindakan berdamai dengan orang kafir atas dasar keadilan adalah sesuatu yang selari dengan *konsep rahmatan lil alamin* selagi mana ia tidak melibatkan perkara aqidah, syariah dan syiar Islam. Ini dapat diperhatikan dalam perjanjian Hilf al-Fudul yang disaksikan Baginda Nabi. Saidatina Aisyah menyingkap semula peristiwa ini dengan menyatakan bahawa Rasulullah telah menyaksikan perjanjian Hilf al-Fudul di rumah Abdullah ibn Jad’an (Jud’an), dan sekiranya Baginda dijemput untuk bersetuju dengan

<sup>47</sup> Lihat Abu Daud, Sunan (Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah), 4/158 (al-Albani menilai hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud ini sebagai hasan sahih); al-Tirmizi, Sunan (Mesir: Mustafa al-Baji al-Halabi, 1975), 4/57 (hadith yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi ini dinilai sahih oleh al-Albani).

<sup>48</sup> <http://www.sinarharian.com.my/nasional/debat-mengenai-siapakah-sebenarnya-pengganas-1.857432>

<sup>49</sup> <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2016/04/12/ramasamy-apologises-for-calling-dr-zakir-naik-satan/>

<sup>50</sup> <https://www.malaysiakini.com/news/434245>; <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/laporan-polis-terhadap-p-ramasamy-tahniah-pas-ngo-mufti-perlis-1.714324>;

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/07/10/ramasamy-nafi-dakwa-an-asri-terlibat-dengan-pemberontak-sri-lanka/>

<sup>51</sup> <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/10/11/pendekatan-rahmatan-lil-alamin-damaikan-asri-dengan-ramasamy-kata-mujahid/>

perjanjian ini semula setelah Islam, maka Baginda akan menyertainya atas dasar keadilan dan kedamaian.<sup>52</sup>

### **9.3 Penguatkuasaan Tangkapan Khalwat**

Pada 6 Oktober 2018, akhbar The Star telah melaporkan hasil temubual mereka dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama) dan menyimpulkan bahawa tiada lagi operasi tangkapan khalwat (*No more night khalwat raids or intrusion into Muslims' private lives says Mujahid*).<sup>53</sup> Laporan berita ini turut menyatakan bahawa pendirian yang ingin dilaksanakan oleh Dr Mujahid ini adalah berpandukan konsep *rahmatan lil alamin*. Pada 9 Oktober 2018 pula, Berita Harian melaporkan Dr Mujahid sebagai menyebut:

*“Sebagai kerajaan, apa yang kamu lakukan dalam ruang peribadi bukan urusan kami, namun sebagai orang Islam yang melihat jirannya melakukan kesalahan, adalah tanggungjawab kamu untuk menasihati jiran itu.” katanya pada sidang media selepas Persidangan Meja Bulat Falsafah dan Tatacara Hukuman Jenayah Syariah Dalam Mencapai Matlamat Rahmatan Lil Alamin di sini, hari ini.*<sup>54</sup>

Kenyataan Dr Mujahid ini menimbulkan pelbagai reaksi dari pelbagai pihak. Ramai mufti yang membangkang kenyataan tersebut termasuklah Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria; Mufti Negeri Sembilan, Datuk Mohd Yusof Ahmad dan Mufti Pahang, Datuk Seri Dr Abdul Rahman Osman. Manakala Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor dan Mufti Perlis, Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin dikatakan bersetuju dengan pendirian Dr Mujahid.

Kenyataan yang mengundang reaksi negatif ini menyebabkan Dr Mujahid menuntut akhbar The Star memohon maaf kerana dikatakan telah memetik kenyataan Menteri tersebut sebagai di luar konteks dan memberi amaran akan mengenakan hukuman tegas sekiranya permohonan maaf tidak diterima dalam tempoh 24 jam.<sup>55</sup> Namun menurut Berita Harian, tiada permohonan maaf dikeluarkan oleh The Star seakan mereka yakin, kenyataan tersebut adalah yang dimaksudkan oleh Dr Mujahid.

### **9.4 Membanteras Maksiat Adalah Rahmat**

Seperti yang telah dinyatakan dalam konsep-konsep asas *rahmatan lil alamin*, rahmah adalah prinsip yang mengutamakan pembangunan dan pengukuhan aqidah dan syarak. Sekiranya tindakan yang dirancang boleh mengakibatkan kemaksiatan berleluasa, bahkan tidak memelihara asas maqasid iaitu menjaga aqidah, jiwa dan maruah kemanusiaan, maka tindakan tersebut seharusnya diketepikan. Apa yang lebih utama adalah memelihara muslim dan mengelakkan mereka dari terjebak dalam perlakuan yang tidak diingini. Penguasa berperanan besar dalam membanteras jenayah dan maksiat yang dilakukan oleh muslim. Sekiranya aduan telah dilakukan, maka tindakan seharusnya diambil melalui prosedur yang ditelah ditetapkan.

## **10. KESIMPULAN**

Dalam membina dan menyuburkan suasana kehidupan yang harmoni, pembangunan kerangka konsep *rahmatan lil alamin* di Malaysia seharusnya mengambil kira asas-asas konsep tersebut seperti yang termaktub di dalam hadith-hadith nabi. Iaitu secara asasnya, Islam meletakkan prinsip kedamaian, berbuat baik dan adil kepada semua manusia tanpa mengira bangsa dan agama. Namun dalam perihal aqidah, syariah dan syiar Islam, penjagaan kedudukan agama Islam haruslah dipelihara dalam negara yang menobatkan Islam sebagai agama persekutuan ini. Namun, dari aspek perkara yang mempunyai perselisihan dikalangan sarjana Muslim serta urusan siyasah, pemimpin seharusnya mengambil keputusan yang sewajarnya dengan tidak mengeneipkan keadilan dan kesejahteraan rakyat. Pertimbangan terhadap

<sup>52</sup>Al-Mubarakfuri, Rahiq Makhtum (Beirut: Dar al-Hilal), 50; al-Fakihi, Akhbar al-Makkah (Beirut: Dar Khidr, 1414H), 5/170.

<sup>53</sup> <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/10/06/putting-compassion-into-practice-mujahid-aims-to-change-mindset-of-conservative-religious-civil-serv/>

<sup>54</sup> <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/483357/tiada-aduan-khalwat-tiada-serbuan-mujahid>

<sup>55</sup> <https://www.malaysiakini.com/news/446331>

kebaikan (masalih) dan keburukan (mafsadah) seharusnya menjadi asas utama dalam meletakkan garis panduan berhubung perkara ini.

## RUJUKAN

### Buku dan Jurnal

1. Al-Bayhaqi, Abu Bakar Ahmad ibn al-Husayn. (2003) *al-Sunan al-Kubra*, (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyya).
2. Al-Bukhārī, Muḥammad ibn Ismā'īl ibn Ibrāhīm. (1422H) *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*, Edt. Muḥammad Al-Nāsir, (Dār Ṭūq Al-Naja).
3. Al-Fakīhī, Abu Abdillāh Muḥammad ibn Ishaq. (1414H), *Akḥbar Makkah* (Beirut: Dar Khidr).
4. Al-Hakim, Abu Abdillāh Muḥammad ibn Abdillāh. (1990), *Al-Mustadrak*, (Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyya).
5. Al-Mubarakfuri, Safi al-Rahman, (t.t.) *Rahiq al-Makhtum*, (Beirut: Dar al-Hilal).
6. Al-Nasa'i, Abu Abd al-Rahman Ahmad ibn Shuayb. (1986), *Sunan al-Nasa'i*, (Halab: Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah).
7. Al-Nawawi, Abu Zakarian Mahyuddin Yahya ibn Sharf. (t.t.), *al-Majmu' Sharh al-Muḥazzab*, (Dar al-Fikr).
8. Al-Qardawi, Yusuf. (1992). *Ghayr Al-Muslimin Fi Al-Mujtama' Al-Islami*, (Kaherah: Maktabah Wahbah).
9. Al-Shaybani, Ahmad ibn Hanbal. (2001). *Musnad Ahmad ibn Hanbal* (Muassasah al-Risalah, 2001).
10. Al-Sijistani, Abu Daud Sulayman ibn al-Ash'ath. (2009). *Sunan Abu Daud* (Dar al-Risalah al-Alamiyyah).
11. Al-Tabari, Muhammad ibn Jarir. (2000). *Jami' Al-Bayan*, (Muassasah Al-Risalah).
12. Al-Tabrani, Abu al-Qasim Sulayman ibn Ahmad. (t.t.). *al-Mu'jam al-Kabir* (Kaherah: Maktaba Ibn Taimiyyah.).
13. Al-Tirmizi, Muhammad ibn Isa ibn Surah. (1998). *Sunan al-Tirmizi*, (Beirut: Dar al-Gharb al-Islami).
14. Azmi, Ahmad Sanusi. "The Development of Dalail Nubuwwa Literature: An Emblem of Interreligious Dialogue in Early Islam." *The Social Sciences* 13, no. 5 (2018): 1072-1078.
15. Ibn Abi Shayba, Abu Bakar. (1409H). *Musannaf* (Riyadh, Maktabah Al-Rusyd).
16. Ibn al-Jawzi, Abu al-Faraj Abd al-Rahman ibn Ali. (1987) *Nuzḥah al-A'yun al-Nawazir*, (Muassasa al-Risalah).
17. Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail ibn Umar ibn Kathir. (1419H). *Tafsir al-Quran al-Azim* (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah).
18. Ibn Majah, Abu Abdillāh Muḥammad ibn Yazid, *Sunan*, (Dar Ihya Al-Kutub Al-Arabiyya).
19. Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah. (1997). *Aḥkam ahl Zimmah*, (al-Dammam: Ramadi li al-Nashr).
20. Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah. (1997). *al-Jawab al-Kafi li man sa'ala 'An al-Dawa' al-Shafi'* (Maghribi: Dar al-Ma'rifah, 1997).
21. Ibn Wahb. (1995). *al-Jami fi al-Hadith* (Riyad: Dar Ibn al-Jauzi).
22. Said Hawwa. (t.t.) *al-Asas fi al-Tafsir* (Kaherah: Dar al-Salam).
23. Khaiful Azhar Meerangani (2016). *Isu Semasa Terhadap Hubungan Sosial dengan Non-Muslim Di Malaysia daripada Perspektif Hukum Islam*, Tesis PhD, Akademik Pengajian Islam, University Malaya).
24. Luqman Hj Abdullah. (2009). *Kerangka Asas dalam Pembinaan Hukum Fiqh Masyarakat Bukan Islam Masa Kini*, Kertas Kerja Simposium Fiqh Masyarakat Bukan Islam Di Malaysia.

### Sumber Internet

25. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/rampas-bakar-bible-jabatan-peguam-negara-tidak-dakwa-ibrahim-ali-44762>
26. <https://www.malaysiakini.com/news/122975>
27. <https://www.malaysiakini.com/news/111611>
28. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/08/460514/transgender-tidak-harus-ditindas>
29. <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2018/08/13/tandas-mufti-perlis/>
30. <https://www.msn.com/en-my/news/national/no-compromise-on-lgbt-says-pahang-mufti/ar-BBLStq5>
31. <http://www.sinarharian.com.my/edisi/pahang/mufti-pahang-tiada-kompromi-untuk-golongan-lgbt-1.868103>
32. <https://www.malaysiakini.com/news/438315>
33. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/08/461218/saya-minta-maaf-atas-kenyataan-mengelirukan-mujahid>
34. <http://www.sinarharian.com.my/nasional/didik-lebih-baik-dari-kecam-1.867611>
35. <http://www.bernama.com/en/news.php?id=1631647>
36. <http://www.sinarharian.com.my/nasional/debat-mengenai-siapakah-sebenarnya-pengganas-1.857432>
37. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2016/04/12/ramasamy-apologises-for-calling-dr-zakir-naik-satan/>
38. <https://www.malaysiakini.com/news/434245>
39. <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/laporan-polis-terhadap-p-ramasamy-tahniah-pas-ngo-mufti-perlis-1.714324>
40. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/07/10/ramasamy-nafi-dakwaan-asri-terlibat-dengan-pemberontak-sri-lanka/>
41. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/10/11/pendekatan-rahmatan-lil-alam-damaikan-asri-dengan-ramasamy-kata-mujahid/>
42. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/10/06/putting-compassion-into-practice-mujahid-aims-to-change-mindset-of-conservative-religious-civil-serv/>
43. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/483357/tiada-aduan-khalwat-tiada-serbuan-mujahid>
44. <https://www.malaysiakini.com/news/446331>